

## Anugerah Guru Arif Budiman 2012

1. Majlis Bahasa Melayu, Singapura (MBMS) dan Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) akan menganjurkan Anugerah Guru Arif Budiman 2012 bagi mengiktiraf sumbangan guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

### Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

2. Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf :
- sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
  - guru Bahasa Melayu yang telah melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
  - guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

### Gelar dan Jumlah Anugerah

3. Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) yang akan diberikan Jawatankuasa penganjur tahun ini adalah seperti yang berikut:

Anugerah		Sekolah Rendah	Sekolah Menengah & Prauniversiti
1	Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan	1	1
2	Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang	1	1
	Jumlah	2	2

Anugerah Guru Arif Budiman - Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya 10 tahun.

Anugerah Guru Arif Budiman - Perangsang diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

### Kriteria Pencalonan

4. AGAB 2012 terbuka kepada semua guru Bahasa Melayu yang mengajar di semua sekolah arus utama di Singapura. Pencalonan untuk anugerah pada tahun 2012 berdasarkan khidmat cemerlang guru pada tahun 2010 dan 2011.

Pemenang-pemenang AGAB tahun 2009, 2010 dan 2011 tidak akan dipertimbangkan.

5. Calon-calon akan dinilai berdasarkan ciri-ciri yang berikut:
- keupayaan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kesusasteraan Melayu dan budaya Melayu;
  - dedikasi dan ketekalan dalam mencapai kecemerlangan terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah;
  - kepekaan dan keprihatinan terhadap kebajikan pelajar; dan
  - cerminan nilai 'Arif' dan 'Budiman'<sup>1</sup> melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

### Proses Pencalonan

6. Pencalonan dibuka dari **18 Julai 2012 hingga 16 September 2012**.
7. Borang pencalonan (Lampiran A) AGAB akan disiarkan melalui media massa dan akan diedarkan kepada semua sekolah arus utama. Borang pencalonan juga boleh didapati di setiap perpustakaan NLB, perpustakaan NIE, dan boleh dimuatturunkan dari laman-laman berikut :

[www.mllpc.sg](http://www.mllpc.sg)  
[www.mbms.sg](http://www.mbms.sg)  
[www.nie.edu.sg](http://www.nie.edu.sg)

8. Pencalonan boleh dibuat oleh pelajar, guru, ibu bapa, pengetua sekolah dan masyarakat umum. Setiap pencalonan hendaklah memenuhi syarat-syarat pencalonan dan menggunakan Borang Pencalonan Rasmi.

Para pencalon akan dinilai secara dua peringkat :

- Kesemua para pencalon akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh pihak penganjur
- Lapan orang pencalon akan dipilih sebagai finalis dalam senarai terpilih untuk dinilai dengan lebih teliti menerusi :
  - Pemerhatian pelajaran selama 1 jam di sekolah masing-masing; dan
  - Wawancara bersemuka oleh panel penilai

---

<sup>1</sup> 'Arif dan Budiman' bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa, berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

## Corak dan Nilai Anugerah

9. Empat orang pemenang akan dipilih untuk menerima Anugerah ini. Setiap Anugerah berbentuk wang tunai \$1,500 serta biasiswa bernilai \$3,000 untuk pembangunan professional guru (contoh: *menghadiri persidangan pendidikan atau Bahasa Melayu, menghadiri kursus peningkatan dalam mengajar Bahasa Melayu, dll.*) sebuah trofi dan watakah pencapaian.

## Majlis Anugerah

10. AGAB akan disampaikan dalam satu majlis sederhana jamuan petang yang akan diadakan pada lewat Nov 2012.

---

## Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

- Jawatankuasa Penyemakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (MLCPRC) yang ditubuhkan pada bulan Disember 2004 telah menjalankan penyemakan yang komprehensif tentang pengajaran, pembelajaran dan penilaian Bahasa Melayu.
- Pada bulan November 2005, MLCPRC telah mengajukan beberapa saranan untuk menarik minat pelajar Bahasa Melayu dalam pembelajaran bahasa tersebut. Satu daripada saranan utama penubuhan sebuah jawatankuasa oleh MOE yang bekerjasama dengan pertubuhan masyarakat Melayu dalam menggalakkan penggunaan bahasa Melayu.
- Selaras dengan saranan MLCPRC, Kementerian Pendidikan (MOE) telah menubuhkan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) pada bulan Februari 2006. Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Encik Hawazi Daipi, Setiausaha Parlimen Kanan (Kementerian Pendidikan dan Kementerian Tenaga Manusia). Jawatankuasa tersebut dianggotai oleh para pemimpin masyarakat, para wakil daripada institusi pengajian tinggi, pertubuhan masyarakat Melayu, media dan pertubuhan profesional. Matlamat jawatankuasa tersebut adalah untuk memupuk minat pelajar dalam pembelajaran bahasa, kesusasteraan dan budaya Melayu.